

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
(ATAS TALIAN)  
SEMESTER II  
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : BINAAN BANGUNAN  
KOD KURSUS : BBB 10202  
KOD PROGRAM : BBB  
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN DARI  
LIMA SOALAN YANG  
DISEDIAKAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

**SULIT**

- S1** (a) Terangkan dengan jelas, apakah yang dimaksudkan dengan kerja korekan.  
(5 markah)
- (b) Apakah yang perlu dilakukan oleh pihak kontraktor jika kerja-kerja pengorekan adalah melibatkan kerja pembinaan berisiko tinggi?  
(10 markah)
- (c) Nyatakan dengan jelas, pihak yang terlibat dan tanggungjawab yang perlu dilakukan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bagi kerja-kerja korekan.  
(10 markah)
- S2** (a) Terangkan proses yang terlibat dalam kerja tanah dan berikan tiga jenis jentera yang sering digunakan dalam kerja tanah.  
(6 markah)
- (b) Bincangkan penggunaan penyahairan (*dewatering*) menggunakan kaedah pam terbuka di kawasan yang berpasir.  
(9 markah)
- (c) Proses penyediaan tapak bagi cadangan pembinaan sebuah bangunan sedang dilaksanakan. Sebagai seorang kontraktor, apakah tindakan yang perlu dilakukan jika kawasan tapak bina mempunyai topografi yang berbukit dan berpaya?  
(10 markah)
- S3** (a) Apakah jenis-jenis tiang yang boleh dikelaskan dari segi struktur dan dari segi binaan?  
(5 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas berkaitan semua jenis kemasan lantai di bawah :
- (i) Lapa simen
  - (ii) Jalur kayu
  - (iii) Parket
  - (iv) Jubin
  - (v) Batu marmar
- (10 markah)

- (c) Terangkan jenis kemasan lantai yang sesuai dipasang di lantai lobi hotel dan berikan justifikasi kepada jawapan anda  
(10 markah)
- S4** (a) Terangkan tentang jelas  
(i) Perinsip reka bentuk perancah  
(ii) Perancah julur  
(10 markah)
- (b) Apakah langkah keselamatan perlindungan yang perlu diambil oleh majikan dan pekerja yang menggunakan perancah bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan di bangunan tinggi?  
(15 markah)
- S5** (a) Nyatakan lima (5) kelebihan menggunakan jentera dalam kerja-kerja pembinaan.  
(5markah)
- (b) Penggunaan jentera dalam pembinaan boleh dikategorikan kepada kaedah kerja dan fungsi penggunaan jentera tersebut. Nyatakan dengan jelas jenis-jenis jentera yang digunakan dalam pembinaan berserta fungsi penggunaannya.  
(20 markah)

- SOALAN TAMAT -

**TERBUKA**